

Kokurikulum bina insaniah graduan berkualiti

B-H 6/8/07 M/S 8

Oleh Kassim Thukiman

KINI, institusi pengajian tinggi awam (IPTA) mempunyai tanggungjawab semakin besar dan mencabar. IPTA diminta memainkan peranan penting dalam menghasilkan graduan yang cemerlang dari segi akademik dan ketrampilan sah-sah. Justeru, pelbagai program dan aktiviti akademik dirancang dan digarap untuk memastikan graduan betul-betul berkualiti untuk menghadapi saingan dalam pasaran pekerjaan.

Selain daripada memantapkan kurikulum akademik yang ilmiah dan praktikal, IPTA juga memperkasakan aktiviti kokurikulum. Sehubungan itu, Kementerian Pengajian Tinggi memperkenalkan semula dasar pengambilan pelajar ke IPTA berasaskan markah 10 peratus kokurikulum dan 90 peratus pencapaian akademik mengikut sistem merit mulai sesi 2006/2007. Pengenalan semula pengambilan pelajar berasaskan markah kokurikulum bertujuan menyemarakkan semangat pelajar untuk menyertai kegiatan kokurikulum yang telah bermula pada peringkat sekolah dan program matrikulasi.

Pelaksanaan kegiatan kokurikulum ini bertujuan untuk memastikan pelajar terus aktif dalam kegiatan kokurikulum di IPTA sehingga mereka menamatkan pengajian. Ia juga bertepatan dengan hasrat kerajaan untuk melahirkan graduan yang cemerlang bukan saja dalam bidang akademik tetapi aktiviti kemasyarakatan yang menjurus kepada penampil diri yang mantap dan mengharungi daya saing pasaran pekerjaan tempatan dan antarabangsa.

Sejajar dengan usaha murni ini, Kementerian Pengajian Tinggi bersama-sama Kementerian Pelajaran melaksanakan syarat pembabitan kokurikulum sebagai salah satu syarat untuk pelajar memasuki IPTA. Kedua-dua kementerian bersetuju bahawa penilaian prestasi kokurikulum pelajar adalah berasaskan dua bidang terbaik daripada tiga bidang yang disertai iaitu badan beruniform, persatuan atau kelab dan sukan atau permainan pada setiap tahun persekolahan.

Dengan memperkenalkan kembali pengambilan pelajar berasaskan pembabitan kokurikulum, semua kegiatan kokuriku-

lum mempunyai markah tersendiri untuk diambil kira bagi kemasukan pelajar ke IPTA. Antara yang diberi keutamaan ialah Program Latihan Khidmat Negara (PLKN), pembabitan pelajar dalam persatuan beruniform, sukan, penyertaan dalam pertandingan di peringkat antarabangsa, kebangsaan, negeri dan daerah.

Sebenarnya, pemantapan program kokurikulum di sekolah juga akan disesuaikan dengan usaha kedua-dua kementerian untuk melahirkan pelajar yang mempunyai jati diri yang mantap. Kementerian Pelajaran telah mengeluarkan garis panduan penyelarasan program kokurikulum untuk kegunaan semua pihak yang terlibat. Ini selaras dengan teras program Membangunkan Modal Insan dalam Pelan Induk Pembangunan Pendidikan (PIPP) yang menjadi fokus dalam dasar pendidikan kebangsaan masa kini.

Kokurikulum kini menjadi aktiviti penting dalam melahirkan pelajar yang berfikir secara kritis dan kreatif dan membentuk personaliti dan sahsiah pelajar. Usaha murni yang dijalankan oleh Kementerian Pengajian Tinggi adalah untuk memastikan aktiviti kokurikulum yang dijalankan di IPTA dapat diterima oleh semua pihak *stakeholder* termasuklah pihak industri, organisasi awam dan ibu bapa sendiri.

Banyak pihak tidak menyedari bahawa proses pembelajaran di IPTA bukan saja berorientasikan peperiksaan. Dalam tempoh seseorang pelajar berada di sesebuah IPTA selama tiga atau empat tahun, begitu banyak pembelajaran yang boleh diperolehi menerusi pelbagai aktiviti yang dijalankan oleh persatuan pelajar, kolej kediaman, fakulti dan universiti.

Untuk membuktikan kesungguhan dan pengiktirafan Kementerian Pengajian Tinggi melaksanakan kegiatan kokurikulum, pemberian kredit diberikan oleh semua IPTA untuk diambil kira dalam syarat pengijazahan graduan. Pengarah Jabatan Pendidikan Tinggi, Prof Datuk Dr Hassan Said ketika membentangkan kertas kerja bertajuk 'Pengukuhan dan Pengiktirafan Program Kokurikulum di IPTA', menyatakan bahawa penyelarasan dalam pemberian kredit dalam aktiviti kokurikulum adalah sangat penting agar pelajar yang

mengikuti program berkenaan 'sekadar melepas batuk di tangga'. Pihak Kementerian Pengajian Tinggi merasakan bahawa lima peratus daripada jumlah kredit pengijazahan perlu diperuntukkan untuk kegiatan kokurikulum di semua universiti.

Kini, ada banyak program kokurikulum yang ditawarkan oleh IPTA. Contohnya Universiti Malaya (UM) menawarkan 61 kursus, Universiti Sains Malaysia (USM) 32 dan Universiti Utara Malaysia (UUM) 189. Namun begitu, jumlah kredit yang diberikan adalah berbeza iaitu UM dua kredit, USM (3), UKM (2), UUM (4), UiTM (2) dan UTM (2). Dari segi penilaian kursus, faedah yang diberikan oleh setiap IPTA juga adalah berbeza.

Untuk memastikan kegiatan kokurikulum benar-benar profesional, IPTA menjalin kerjasama yang strategik dengan beberapa institusi kerajaan termasuklah Angkatan Tentera Malaysia (ATM), Tentera Laut Diraja Malaysia (TLDM), Polis Diraja Malaysia (PDRM), Jabatan Pertahanan Awam (JPA3) dan Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM). Kerjasama strategik yang telah dijalin sejak sekian lama telah membabitkan kos perbelanjaan pengurusan, logistik dan tenaga profesional yang ramai. Namun begitu, pelaburan yang dijalankan oleh IPTA ini telah menghasilkan kesan yang sangat positif untuk menambah ketrampilan diri dan pembangunan sahsiah pelajar IPTA.

Antara aktiviti kokurikulum yang paling giat dijalankan IPTA ialah penubuhan pelbagai pasukan kadet beruniform. Antaranya ialah Pasukan Simpanan Sukarelawan Tentera untuk tentera darat dan tentera laut (Palapes), pasukan Kor Sukarelawan Polis (Suksis), pasukan Briged Bomba dan Penyelamat dan pasukan pertahanan awam (JPA3). Sejak sekian lama, ATM telah banyak membantu setiap IPTA untuk menubuhkan pasukan Palapes. Pelajar yang menyertai pasukan ini telah dipilih berdasarkan kriteria ketenteraan.

Mereka dilatih secara profesional dan penuh disiplin oleh ATM sehingga ditauliahkan sebagai pegawai berpangkat Letenan Muda oleh Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong. Apabila berjaya menamatkan pengajian, graduan ini boleh me-

neruskan kerjaya dalam bidang masing-masing di samping boleh mendaftar dalam pasukan Wataniah. Secara langsung, kerjasama strategic IPTA dan ATM telah berjaya menghasilkan ribuan graduan yang boleh menyumbang kepada pembentukan sistem pertahanan menyeluruh bagi negara ini.

Sementara itu, kor Suksis juga telah ditubuhkan di setiap IPTA untuk membantu polis mencegah jenayah di dalam serta luar kampus. Sebagai warga negara, mahasiswa diterapkan untuk mempunyai semangat cintakan keamanan dan semangat patriotisme yang kental untuk mempertahankan kemerdekaan dan kedaulatan negara.

Projek perintis Suksis telah dilaksanakan di UUM pada 16 Julai 2002. Sehingga hari ini, terdapat 11 IPTA menubuhkan Suksis di kampus masing-masing. Suksis juga boleh menjadi wadah kepada mahasiswa menimba ilmu kepolisian. Selain menjadi aktiviti kokurikulum di IPTA, kor Suksis berperanan untuk melahirkan mahasiswa yang boleh meneruskan kerjaya kepolisian selepas menamatkan pengajian.

Sebenarnya pembabitan pelajar IPTA dalam kegiatan kokurikulum terlalu banyak. Mereka terbabit dengan kegiatan kemasyarakatan khususnya motivasi pendidikan. Mereka juga menyertai pelbagai pertandingan termasuklah pidato, debat, reka cipta dan sukan. Malah, pelajar IPTA turut mengharumkan nama negara kerana memenangi pelbagai anugerah pada peringkat antarabangsa.

Semua ini menggambarkan bahawa potensi yang ada pada diri pelajar boleh diperkasakan menerusi kegiatan kokurikulum. Justeru, menerusi kegiatan kokurikulum ini, graduan IPTA akan mempunyai ketrampilan diri yang hebat seperti bijak berkomunikasi, daya kepimpinan, kerja berpasukan, keyakinan diri dan berintegriti. Secara tidak langsung, IPTA sudah menghasilkan graduan yang berkualiti tinggi, di samping mempunyai kemahiran insaniah yang pelbagai untuk diaplikasikan dalam dunia pekerjaan dan dihidupkan masa depan.

Penulis adalah pensyarah kanan di Universiti Teknologi Malaysia (UTM)